



**PERMOHONAN TAJAAN JPA DAN MARA
UNTUK LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
DI BAWAH PROGRAM IJAZAH LUAR NEGARA 2009**

1. Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2008 untuk mendapatkan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi mengikuti pengajian di bawah Program Ijazah Luar Negara tahun 2009.
2. Permohonan boleh dibuat melalui aplikasi atas talian (*on-line application*) melalui laman web <http://www.jpa.gov.my> mulai tarikh keputusan SPM 2008 diumumkan secara rasmi.
3. Tarikh tutup permohonan tajaan Program Ijazah Luar Negara (PILN) 2009 adalah **7 hari selepas permohonan dibuka.**
4. Maklumat lanjut mengenai program/bidang kursus, syarat-syarat permohonan dan cara memohon boleh diperolehi dengan melayari laman web <http://www.jpa.gov.my> mulai tarikh iklan ini disiarkan. Calon hendaklah membaca dan memahami kesemua maklumat mengenai program/bidang kursus, syarat-syarat permohonan dan cara memohon sebelum membuat permohonan.
5. **Program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor** di hospital-hospital Kerajaan yang terpilih di seluruh negara akan diadakan **selama 5 hari mulai 23 sehingga 27 Mac 2009**. Program ini **diwajibkan** kepada semua calon yang memohon untuk mengikuti pengajian dalam **bidang perubatan di bawah tajaan JPA.**
6. Calon-calon dikehendaki menyemak maklumat terkini mengenai permohonan melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>:
 - a. Keputusan panggilan bagi mengikuti program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor : **20 Mac 2009**
 - b. Keputusan panggilan temuduga JPA : **25 Mac 2009**

7. Temuduga JPA akan dijalankan di beberapa pusat di seluruh negara mulai **31 Mac hingga 3 April 2009**. Bagi calon yang terpilih untuk menghadiri temuduga **diwajibkan** untuk membawa **Borang Pengesahan Pendapatan Bulanan Keluarga** yang telah disahkan dan dokumen-dokumen lain yang ditetapkan.
8. Pelajar-pelajar yang memohon **tajaan MARA** boleh menyemak maklumat terkini mengenai permohonan melalui laman web <http://www.mara.gov.my> :
 - a. Keputusan panggilan dan maklumat temuduga MARA : **27 Mac 2009**
9. Pertanyaan mengenai **masalah teknikal** semasa mengisi borang permohonan atas talian boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-88853550** atau **03-88853559**. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam **8.00 pagi hingga 10.00 malam** mulai **tarikh keputusan SPM 2008 diumumkan secara rasmi**.
10. Pertanyaan mengenai **program tajaan JPA** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-88853892 (10 talian)**, pada setiap hari bekerja mulai jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel di alamat piln2009@jpa.gov.my.
11. Pertanyaan mengenai **program tajaan MARA** boleh dibuat dengan menghubungi Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA di talian **03-26915111 (sambungan 1133, 1109, 1120, 3623, 3624, 3629, 3620 dan 3619)** pada setiap hari bekerja mulai jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel di alamat webmaster@mara.gov.my.
12. Calon-calon hendaklah sentiasa melayari laman web <http://www.jpa.gov.my> dan laman web <http://www.mara.gov.my> dari semasa ke semasa untuk mengetahui perkembangan dan pengumuman terkini mengenai permohonan PILN 2009.

Iklan ini dikeluarkan oleh

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

JPA PENERAJU PERKHIDMATAN AWAM